

Bangunan MCA Hulu Langat diroboh

KAJANG 31 Okt. - Bangunan MCA Hulu Langat di Lorong Mendaling Jalan Sungai Chua di sini terpaksa dirobohkan bagi memberi laluan kepada projek pembinaan Stesen MRT Bandar Kajang.

Bangunan itu adalah yang keempat yang terpaksa dirobohkan di sepanjang laluan MRT bagi projek bangunan MRT Sungai Buloh-Kajang.

Kerja-kerja merobohkan bangunan setinggi tiga tingkat itu akan dilakukan tidak lama lagi, yang mengambil masa enam minggu untuk diselesaikan sepenuhnya.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Amir Mahmood Razak berkata, sebelum ini bangunan premis perniagaan dan pejabat yang terpaksa dirobohkan termasuklah Stesen Bas Klang, Pasaraya UO dan Plaza Warisan yang terletak di Jalan Sultan, Kuala Lumpur.

“Oleh kerana tapak bangunan tersebut termasuk dalam kawasan projek pembinaan Stesen MRT, maka terpaksa dirobohkan dan dalam tempoh bangunan dirobohkan kami terpaksa menjadikan Lorong Mendaling satu lorong sahaja berbanding dua lorong sekarang,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas membawa wakil media melawat tapak projek Stesen MRT Bandar Kajang di Jalan Sungai Chua.

“Semasa kerja-kerja merobohkan bangunan ini dilakukan segala aspek keselamatan akan dipertingkatkan bagi memastikan orang ramai dan kenderaan yang melalui jalan dan kawasan berhampiran tapak

projek ini tidak akan ditimpa sebarang kejadian yang tidak diingini,” katanya.

Dalam pada itu pihak MRT Corp. juga akan memperkukuhkan struktur tebing Sungai Langat yang merentasi kawasan berhampiran dengan tapak projek itu. Ini termasuk kerja-kerja mengorek bagi mendalamkan lagi dasar sungai tersebut untuk pembinaan tiang landasan MRT.


“Di samping itu, sebanyak tujuh buah gerai sederet yang terletak berdekatan dengan tebing sungai itu juga terpaksa dipindahkan sejauh 200 meter ke kawasan berdekatan dengan Kuil Shen Sze She Yar demi keselamatan peniaga dan pelanggan,” katanya.

Menurutnya, semua kerja-kerja pemindahan sementara itu akan dilakukan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) yang akan mendapatkan lokasi baharu gerai-gerai tersebut untuk tempoh dua tahun.

Sementara itu, tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati kerja-kerja pembinaan jajaran dan stesen MRT ini telah menimbulkan kesesakan jalan di sekitar bandar Kajang kerana ke-

banyakan kerja pembinaan melibatkan kawasan jalan utama di sini.

“Diharapkan kesesakan ini bersifat sementara. Sebaik sahaja siap, bandar Kajang akan ‘bersih’ dari sebarang kesesakan jalan raya termasuk kejadian banjir kilat kerana pihak MRT turut melebar dan mendalamkan lagi Sungai Langat yang sering melimpahkan air setiap kali hujan lebat,” katanya.

 **Diharapkan kesesakan ini bersifat sementara. Sebaik sahaja siap, bandar Kajang akan ‘bersih’ dari sebarang kesesakan jalan raya termasuk kejadian banjir kilat kerana pihak MRT turut melebar dan mendalamkan lagi Sungai Langat yang sering melimpahkan air setiap kali hujan lebat**

AMIR MAHMOOD RAZAK
Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.



AMIR Mahmood Razak menerangkan proses perobohan Bangunan MCA Hulu Langat dalam sidang akhbar di perkilangan premis itu di Kajang, Selangor, semalam. - UTUSAN/FAIRUZ IZYANA AYUB